

UMS, Pejabat Daerah Kota Belud anjur Program Pendidikan Awam Bencana Alam pada 19 Ogos

UB 11.05.2023 P.08

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Kajian Bencana Alam (NDRC), Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) akan bekerjasama dengan Pejabat Daerah Kota Belud dalam penganjuran Program Pendidikan Awam Bencana Alam di daerah Kota Belud pada 19 Ogos depan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengarah NDRC, Prof. Madya Ts. Gs. Dr. Carolyn Melissa Payus dalam satu kunjungan hormat ke Pejabat Daerah Kota Belud bagi membincangkan kerjasama penganjuran program tersebut baru-baru ini.

Menurut beliau, program yang dirancang untuk diadakan di Kampung Melangkap Baru, Kota Belud itu merupakan siri ceramah pendidikan awam yang dianjurkan oleh NDRC sejak tahun 2015.

"NDRC pernah menganjurkan program seumpama ini di daerah Kota Belud pada tahun 2019.

"Namun, berbeza dengan program yang telah dianjurkan terdahulu, program kali ini akan lebih memfokus kepada komuniti di lima kampung di Melangkap yang mana akan melibatkan Kg. Melangkap Baru, Melangkap Tiong, Melangkap Noriou, Melangkap Kapa dan Melangkap Tomis.

"Lima kampung ini merupakan antara kampung yang terjejas akibat bencana berantai sejak kejadian gempa bumi bermagnitud 6.0 yang berpusat di Gunung Kinabalu pada tahun 2015," katanya.

Justeru katanya, pertemuan pihak NDRC ke pejabat Pegawai Daerah Kota Belud, Bakri Haji Nanun adalah bagi membincangkan kerjasama merangkumi penyelarasan penganjuran di peringkat



TERIMA KASIH: Dr. Carolyn (dua kanan) menyampaikan cenderahati kepada Bakri sempena kunjungan hormat itu.

daerah yang akan melibatkan agensi kerajaan dan juga bukannya kerajaan.

"Antara objektif utama penganjuran program ini adalah untuk membina kesedaran komuniti terhadap bencana alam khususnya rangkaian bencana berganda seperti gempa bumi, banjir, aliran debri, tanah runtuh serta pengaruh cuaca ekstrem.

"Untuk itu, ceramah dan perkongsian daripada pakar-pakar penyelidik dari UMS dan juga pakar dari agensi seperti Jabatan Mineral dan Geosains Sabah dan Jabatan Meteorologi Malaysia Cawangan Sabah diharap akan dapat mencapai objektif tersebut," kata Carolyn.

Beliau turut memaklumkan, satu bengkel bagi penubuhan pasukan petugas dan pelan tindakan kece-

masan bencana alam yang akan melibatkan lima buah kampung di Melangkap juga merupakan antara fokus dalam program yang akan dianjurkan itu.

"Harapan kami agar hubungan kerjasama NDRC dengan pihak berkuasa tempatan dapat dieratkan lagi bagi bersama-sama meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai bencana alam supaya masyarakat lebih bersiaga menghadapi sebarang kejadian bencana alam pada masa akan datang," katanya.

Turut sama dalam kunjungan hormat tersebut Felo Penyelidik Utama NDRC; Prof. Madya Ts. Dr. Ejria Saleh dan Pegawai Penyelidik NDRC, Eldawaty Madran.

Dalam perkembangan lain, Carolyn memaklumkan Nagaoka University of Tech-

nology (NUT), Jepun turut menyatakan hasrat untuk mengadakan kerjasama bersama NDRC.

Perkara tersebut dimaklumkan dalam satu pertemuan dan perbincangan bersama Ketua Pusat Pembangunan Teknologi, Jabatan Inovasi Teknologi Sains NUT, Profesor Dr. Takashi Yamaguchi di Hotel Hyatt Regency, Kota Kinabalu baru-baru ini.

Katanya, pihak NUT berminat dan ingin menyumbang secara aktif dalam penyelidikan berkaitan pencegahan banjir serta berkongsi teknologi yang ada di NUT dengan pihak NDRC.

Justeru, pihak NDRC juga kata Carolyn amat mengalu-alukan sebarang kerjasama penyelidikan berkaitan bencana alam dari universiti tersebut.